

Wadah Pembaharuan

BH

BeritaHarian

Diterbit sejak 1957

www.bharian.com.my



RON95 naik 1 atau 2 sen seminggu

Harga petrol RON95 akan dinaikkan satu atau dua sen setiap minggu sebaik sahaja Program Subsidi Petrol (PSP) dilaksanakan bermula

Januari tahun depan. Harga bahan bakar itu diapungkan secara berperingkat sehingga mencapai harga semasa pasaran. **Muka 5**

Harga RON95 diapung, naik secara berperingkat

Kenaikan satu atau dua sen setiap minggu tidak bebani pengguna

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
dan Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Harga petrol RON95 akan diapung dan dinaikkan sebanyak satu atau dua sen setiap minggu secara berperingkat sehingga mencapai harga semasa pasaran sebaik Program Subsidi Petrol (PSP) dilaksanakan, Januari depan.

Langkah mengapungkan harga bahan api itu menerusi kaedah terbabit adalah supaya kenaikannya tidak membebankan pengguna.


Mengumumkan keputusan itu, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Chong Chieng Jen berkata, ia juga bagi meringankan kos hidup rakyat dan mengelak harga barang dari pada naik mendadak apabila program subsidi dilaksanakan.

"Kita akan apungkan harga petrol secara berperingkat sebanyak satu atau dua sen seminggu sehingga harga (RON95) mencapai harga pasaran," katanya menjawab soalan tambahan Rubiah Wang (GPS-Kota Samarahan) pada sesi soal-jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Chieng Jen bagaimanapun berkata, program subsidi itu hanya terpakai di Semenanjung kerana Sarawak, Sabah dan Labuan masih menikmati harga subsidi RON95 pada RM2.08 seliter.

Kepada peniaga yang mungkin cuba mengambil kesempatan menggaut untung berlebihan selepas pelaksanaan PSP, beliau memberi peringatan, banyak mekanisme boleh digunakan, antaranya Akta Kawalan Harga dan Anti Pencautan 2011 untuk mengambil tindakan.

Pada 7 Oktober lalu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan



Harga RON95 akan dinaikkan secara berperingkat antara satu sen atau dua sen bermula Januari ini. (Foto hiasan)

Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail mengumumkan PSP bertujuan meringankan beban kira-kira 2.9 juta penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) di Semenanjung yang memiliki kendaraan atas nama sendiri dan cukai jalan yang sah.

Kadar subsidi menerusi program berkenaan adalah sebanyak RM30 sebulan bagi kereta dan RM12 sebulan bagi motosikal. Berikut itu, harga petrol RON95 akan diapungkan bermula serentak, namun akan dipastikan tidak membebankan pengguna.

Mengikut dasar sedia ada, subsidi petrol diberikan secara pukal yang dinikmati semua orang tanpa mengira kerakyatan dan pendapatan, namun PSP akan memastikan ia disalur hanya kepada golongan sasar yang layak, iaitu warganegara Malaysia berpendapatan rendah yang sangat memerlukan bantuan berkenaan.



Kita akan apungkan harga petrol secara berperingkat sebanyak satu atau dua sen seminggu.

Chong Chieng Jen,
Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Saifuddin juga sebelum ini mengumumkan, dengan tanggungan pelaksanaan PSP sebanyak RM65.4 juta sebulan, kerajaan akan menyalurkan bantuan tunai yang akan dikreditkan terus ke akaun penerima setiap empat bulan sekali dengan bayaran pertama akan dibuat pada April 2020.

Penerima PSP perlu memenuhi kriteria pemilikan kendaraan yang telah ditetapkan, iaitu kereta 1600cc dan ke bawah dan bagi kereta melebihi 1600cc, berumur 10 tahun dan ke atas. Kategori motosikal yang layak pula ialah motosikal 150cc dan ke bawah dan melebihi 150cc berumur tujuh tahun serta ke atas.

Bagi individu yang mempunyai lebih daripada satu kendaraan, mereka hanya layak menerima subsidi untuk satu kendaraan mengikut kadar mana yang lebih tinggi.